

Embargo: Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan pada jam 1200, Khamis, 26 Mei 2022



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
STATISTIK KECENDERUNGAN PERNIAGAAN
SUKU TAHUN KEDUA 2022

Peniaga kekal berhati-hati, petunjuk keyakinan mencatatkan +3.5 peratus pada suku tahun kedua, 2022

PUTRAJAYA, 26 MEI 2022 – Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini menerbitkan **Statistik Kecenderungan Perniagaan bagi Suku Tahun Kedua 2022**. Penerbitan ini memaparkan jangkaan prestasi perniagaan bagi suku tahun dan enam bulan yang akan datang. Statistik ini adalah berdasarkan Survei Kecenderungan Perniagaan yang dijalankan secara suku tahunan.

Mengulas berkaitan laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Peniaga kekal positif terhadap prospek perniagaan bagi suku tahun kedua 2022 pada kadar yang perlahan dengan petunjuk keyakinan dicatatkan +3.5 peratus berbanding +7.6 peratus pada suku tahun sebelumnya (**Paparan I**). Meskipun sempadan antarabangsa Malaysia dibuka semula yang dijangkakan merangsang aktiviti ekonomi, peniaga kekal berhati-hati terhadap prospek mereka di tengah-tengah tekanan inflasi, isu rantai bekalan dan kekurangan tenaga kerja.”

“Semua sektor kecuali sektor Pembinaan menjangkakan keadaan perniagaan yang lebih baik pada suku tahun kedua 2022. Sektor Perdagangan Borong & Runcit merupakan sektor yang paling optimistik terhadap prospek perniagaan mereka.

Petunjuk keyakinan bagi Perdagangan Borong & Runcit meningkat untuk tiga suku tahun berturut-turut, dengan +15.5 peratus pada suku tahun kedua 2022 daripada +4.0 peratus pada suku tahun sebelumnya. Sentimen yang lebih cerah dalam kedua-dua subsektor Perdagangan Borong dan subsektor Perdagangan Runcit menyumbang kepada peningkatan ini. Sementara itu, sektor Perkhidmatan meramalkan keadaan perniagaan akan bertambah baik pada kadar sederhana dengan petunjuk keyakinan +5.6 peratus berbanding +11.1 peratus pada suku tahun lepas. Pada masa yang sama, sektor Industri menjangkakan prestasi perniagaan mereka berkembang pada kadar yang lebih perlahan pada suku tahun kedua 2022 sebanyak +0.8 peratus. Subsektor Pertanian dan Perlombongan khususnya menjangkakan keadaan perniagaan yang tidak menggalakkan pada suku tahun rujukan. Sebaliknya, petunjuk keyakinan bagi sektor Pembinaan mencatatkan negatif lebih baik pada suku tahun kedua 2022 dengan -23.2 peratus berbanding -40.4 peratus pada suku tahun pertama 2022," katanya dalam kenyataan hari ini.

Dari segi hasil kasar, 45.2 peratus responden meramalkan hasil kasar mereka meningkat pada suku tahun kedua 2022 manakala 19.0 peratus menjangkakan penurunan yang seterusnya mendorong kepadaimbangan bersih +26.2 peratus. Dalam masa yang sama, 35.8 peratus responden menjangkakan hasil kasar mereka tidak berubah. Pada suku tahun yang sama, 72.2 peratus peniaga menjangkakan tenaga kerja mereka kekal sama walaupunimbangan bersih +10.8 peratus. Seajar dengan itu, 19.3 peratus peniaga berhasrat untuk mengambil lebih ramai tenaga kerja, manakala 8.5 peratus merancang untuk mengurangkan tenaga kerja mereka pada suku tahun kedua 2022.

Dalam tempoh enam bulan akan datang bagi tempoh April hingga September 2022, peniaga kekal optimistik terhadap prospek perniagaan mereka denganimbangan bersih +25.0 peratus, meningkat sedikit berbanding +18.9 peratus yang dicatatkan sebelum ini (**Paparan II**). Sentimen yang lebih baik dalam sektor Perdagangan Borong & Runcit, Industri dan Perkhidmatan menyumbang kepada pandangan positif ini. Sektor Perdagangan Borong & Runcit menjangkakan prospek perniagaan yang menggalakkan dalam enam bulan akan datang denganimbangan bersih +50.0 peratus berbanding +27.0 peratus bagi separuh pertama tahun 2022. Pada

masa yang sama, sektor Industri menjangkakan keadaan perniagaan yang lebih baik dengan imbangan bersih +22.1 peratus daripada +17.7 peratus yang dicatatkan sebelum ini. Sektor Perkhidmatan turut meramalkan situasi perniagaan yang positif dengan imbangan bersih +23.6 peratus, kekal di trajektori positif. Sebaliknya, sektor Pembinaan dijangka kekal dalam trajektori pesimis untuk tempoh April hingga September 2022 dengan imbangan bersih yang bertambah baik kepada -25.0 peratus berbanding -30.8 peratus.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April 2022 sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStatsS1_2022.

Dikeluarkan oleh:


PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA


26 MEI 2022

Lampiran

Paparan I: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan, Malaysia, 2018 - 2022



Paparan II: Imbangan Bersih Jangkaan Prestasi Perniagaan bagi Enam Bulan Akan Datang, Malaysia, 2020 – 2022



Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, May 26 2022



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
BUSINESS TENDENCY STATISTICS
SECOND QUARTER 2022

Businesses stay cautious, confidence indicator recorded +3.5 per cent for the second quarter, 2022

PUTRAJAYA, MAY 26, 2022 – The Department of Statistics, Malaysia today released **Business Tendency Statistics for the Second Quarter 2022**. This publication presents expectations on business performance for the upcoming quarter and six months ahead. The statistics is based on the Business Tendency Survey which is conducted on a quarterly basis.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, “Businesses remain positive on business prospects for the second quarter of 2022 albeit at a slower pace by confidence indicator registering +3.5 per cent compared to +7.6 per cent in the last quarter (**Exhibit I**). Despite the reopening of Malaysia’s international borders which anticipates to spur economic activities, businesses stay cautious towards their prospect amid inflation pressure, supply chain and labour shortages issues.”

“All sectors except for Construction sector anticipate better business condition in the second quarter of 2022. Wholesale & Retail Trade sector is the most optimistic towards its business outlook. Confidence indicator for Wholesale & Retail Trade increase for three quarters in a row, with +15.5 per cent in the second quarter of

2022 from +4.0 per cent in the preceding quarter. Brighter sentiment in both subsectors namely Wholesale Trade subsector as well as Retail Trade subsector has led to this improvement. Meanwhile, Services sector predicts business situation to improve at a moderate rate with confidence indicator +5.6 per cent compared to +11.1 per cent in the last quarter. Concurrently, Industry sector expects their business performance to grow at a slower pace in the second quarter of 2022 with +0.8 per cent. The Agriculture and Mining subsectors in particular anticipate unfavourable business condition in the reference quarter. On the other hand, confidence indicator for Construction sector posted better negative in the second quarter of 2022 with -23.2 per cent as against -40.4 per cent in the first quarter of 2022," he said in a statement today.

In terms of gross revenue, 45.2 per cent of respondents predict their gross revenue to increase in the second quarter of 2022 while 19.0 per cent expect reduction which further leads to a net balance of +26.2 per cent. Simultaneously, 35.8 per cent of respondents anticipate their gross revenue to stagnant. In the same quarter, 72.2 per cent of the businesses expect their manpower to remain the same despite the net balance of +10.8 per cent. Correspondingly, 19.3 per cent of businesses intend to hire more manpower, whilst 8.5 per cent plan to reduce their manpower in the second quarter of 2022.

In the next six months for the period of April to September 2022, businesses remain optimistic on their business outlook with a net balance of +25.0 per cent, slightly increase against +18.9 per cent recorded previously (**Exhibit II**). Better sentiments of Wholesale & Retail Trade, Industry and Services sectors attributed to this positive insight. The Wholesale & Retail Trade sector anticipates favourable business outlook in the forthcoming six months with a net balance of +50.0 per cent as against +27.0 per cent for the first half of 2022. At the same time, Industry sector expects better business situation with a net balance of +22.1 per cent from +17.7 per cent recorded previously. Services sector also foresees positive business situation with a net balance of +23.6 per cent, remaining at positive trajectory. In contrast, Construction sector is likely to remain in the pessimist trajectory for the term of April to September 2022 with an improved net balance to -25.0 per cent as against

-30.8 per cent.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by the selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
26 MAY 2022**

Appendix

Exhibit I: Quarterly Confidence Indicator, Malaysia, 2018 - 2022




Exhibit II: Net Balance of Business Performance Expectation for Upcoming Six Months, Malaysia, 2020 – 2022

